

**PETUNJUK
PASARAN**FBM KLCI
1,482.64 (-22.95)FBM 100
10,300.80 (-188.41)FBM 70
12,873.92 (-354.99)FBM EMAS
10,478.77 (-205.90)FBM SHA
11,121.15 (-233.63)Tukaran asing AS\$-RM
RM4.2150 (-0.0040)

Kestabilan ekonomi jadi agenda utama

Penganalisis jangka kerajaan baharu kekal komited capai hasil lebih padu

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Hala tuju ekonomi negara ini perlu menjadi agenda keutamaan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memandangkan negara masih lagi bergelut dengan kesan negatif ekonomi disebabkan COVID-19.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata negara juga berdepan pertumbuhan perlahan ekonomi global berikutan perang tarif Amerika Syarikat (AS)-China dan harga komoditi seperti minyak yang rendah.

Katanya, semua dasar sedia ada harus diteruskan selagi ia mampu menjadi mekanisme yang berkesan untuk merangsang kembali ekonomi domestik.

"Selain itu, usaha untuk mereformasikan sistem monetari negara harus diteruskan untuk memastikan negara kekal mampan dan berdaya saing untuk jangka masa panjang,"

katanya kepada *BH*.

Sementara itu, Ketua Ekonomi IQI Global, Shan Saeed, dalam temu bual bersama *Bernama TV* berkata, mengekalkan kestabilan makroekonomi akan menjadi agenda utama bagi Perdana Menteri kelapan.

Beliau berkata, ini adalah untuk meletakkan Malaysia dalam radar pelabur global dan mengekalkan kekukuhan momentum pertumbuhan.

"Pada pandangan saya, di bawah pentadbiran Perdana Menteri baharu, kerajaan akan kekal komited mencapai hasil ekonomi yang lebih padu berdasarkan kepada meningkatkan kehidupan rakyat, menurunkan inflasi harga dan paling utama mengekalkan keyakinan ekonomi bagi menarik lebih banyak pelaburan langsung asing ke dalam negara.

"Pentadbiran akan meneruskan dasar fiskal pengembangan dalam jangka masa pendek dan kemudian beralih kepada mengikuti dasar monetari. Perniagaan dan pelabur tempatan boleh mengharapkan sokongan daripada kerajaan bagi menyediakan insentif untuk bersaing pada peringkat global.

"Pasaran sepatutnya pulih semula kerana Perdana Menteri baharu sudah diumumkan dan keadaan tidak menentu sudah berakhir. Pasaran akan memantau dengan rapat siapa yang akan menjadi menteri ke-



Semua dasar sedia ada harus diteruskan selagi ia mampu menjadi mekanisme yang berkesan untuk merangsang kembali ekonomi domestik.

Dr Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan Perniagaan PBS

wangan dan menteri ekonomi bagi mengukur impak dasar yang dilaksanakan oleh mereka yang terpilih ini," katanya.

AmInvestment Bank dalam notanya sebelum ini berkata, pelabur dijangka kembali ke dalam pasaran aset berisiko pasaran baharu muncul (EM), termasuk Malaysia apabila ma-

salah politik domestik dan COVID-19 berakhir lebih pantas daripada yang dijangkakan.

Bank pelaburan itu berkata, ia percaya potensi rangsangan semula pasaran berikutan minat selera pelabur dijangka akan kembali semula kepada aset berisiko terutama pasaran baharu muncul, termasuk pasaran saham negara ini.

Ia berkata, terdapat tiga faktor yang akan mendorong minat selera pelabur terhadap aset berisiko.

"Pertama, Rizab Persekutuan AS akan mengekalkan pendiriannya tidak akan mengetatkan dasar moneterinya; kedua, penilaian ekuiti yang tinggi berterusan dalam pasaran maju (DM) dan ketiga, perang perdagangan AS-China terus reda," katanya dalam nota penyelidikannya.

Bagaimanapun, ia memberi amaran bahawa adalah perlu berhati-hati dengan faktor lain yang turut memberi kesan kepada tinjauan Indeks FBM KLCI, termasuk ketidakpastian politik tempatan.

"Kami meninjau untuk menurunkan sasaran hujung 2020 bagi FBM KLCI sebanyak 90-14 mata kepada 1,530-1,580 mata berbanding 1,670 mata ketika ini," katanya.

Sementara itu, Hong Leong Investment Bank juga masih mengekalkan unjuran indeks FBM KLCI pada paras 1,600 mata.

Bisnes

bbbiz@bh.com.my

IMF unjur pertumbuhan kekal stabil

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil pada 2020 dan pulih dalam jangka sederhana, demikian menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Ia menjangkakan kadar inflasi akan meningkat sedikit dan akaun semasa akan mencatatkan pengurangan.

Katanya, ekonomi Malaysia stabil meskipun berdepan cabaran luaran dan domestik dengan pertumbuhan purata di bawah 5 peratus dalam tempoh lima tahun lalu, menuju kepada pendapatan perkapita tinggi.

"Permintaan domestik akan menjadi pemacu utama pertumbuhan dengan pertumbuhan pekerjaan dan pendapatan yang stabil, menyokong penggunaan swasta.

"Pelaburan swasta akan meningkat secara beransur-ansur kerana persekitaran perniagaan terus meningkat dan ketidakpastian luaran terus reda," kata IMF dalam rumusannya mengenai prestasi ekonomi negara ini susulan Lembaga Pengarah Eksekutif IMF selesai perundingan Artikel IV dengan Malaysia pada 7 Februari lalu.

Inflasi dijangka meningkat kepada lebih dua peratus berikutan peningkatan permintaan domestik, kesan asas perubahan rejim cukai penggunaan reda dan subsidi bahan api menjadi lebih bersasar.

Lebih akaun semasa dijangka merosot kepada 2.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) apabila import modal disambung semula.

Dalam jangka sederhana, pertumbuhan harus berkisar kepada potensi di bawah 5 peratus dan inflasi kekal terkawal, sementara lebih akaun semasa terus sederhana.

IMF berkata, risiko terhadap tinjauan dijangka seimbang ke arah penurunan, memandangkan sebagai ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada ketegangan perang perdagangan dan pertumbuhan negara rakan dagang lain yang lebih rendah daripada dijangkakan.

